

PM mahu kerja utama jambatan kedua diberi pada kontraktor bumiputera

PULAU PINANG 13 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengarahkan **kerja-kerja** utama projek pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang akan diberi **kepada** kontraktor bumiputera.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, keputusan **tersebut** telah dinyatakan kepada beliau dan pihaknya akan meneliti perkara itu selepas laporan lengkap disiapkan oleh syarikat perunding **enam bulan lagi**.

Beliau berkata, langkah itu akan turut melibatkan **peruntukan projek kepada** kontraktor-kontraktor yang **berpusat** di negeri **ini bagi** memastikan pembangunan **tersebut** mampu memanfaatkan **semua** pihak.

“Persediaan sedang dibuat dan **Perdana Menteri** sudah tetapkan bahawa beliau mahu sebahagian kerja penting dilaksanakan oleh kontraktor tempatan.

“Kita akan beri peluang **pada** kontraktor bumiputera, tetapi **peraturan** terperinci **belum** ditetapkan buat masa **ini**,” katanya **pada** sidang akhbar selepas merasmikan **mesyuarat agung** Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) **cawangan** Pulau Pinang di Hotel Eastern & Oriental di **sini** petang **ini**.

Pada majlis tersebut, beliau turut berdislog dan **memberi** jaminan **menyelesaikan** masalah-masalah **berkaitan** kementeriannya termasuk **soal** cabutan projek **kelas-F** dan **penentuan** kaedah pengagihan lebih adil serta menyeluruh.

Pada ucapan perasmian, Samy Velly turut **memberitahu**, **kementerian** akan mengemukakan **cadangan** untuk menganugerahkan **taraf** kontraktor kelas D kepada **syarikat** kelas F yang aktif **melaksanakan** kerja **masing-masing**.

Menjelaskan projek jambatan **kedua** yang akan dibina di bahagian **selatan negeri ini** iaitu dari Batu Kawan di Seberang Perai dan Batu Maung di **bahagian** pulau, beliau berkata, kerajaan menetapkan ia dibiayai menerusi **pinjaman mudah** 100 peratus dari Kerajaan Jepun.

“Kerajaan telah menetapkan **jumlahnya** dalam **lingkungan** RM2 bilion dan selepas **enam bulan lagi** kita akan dapat tahu konsep **keseluruhan** projek, dan **pada** masa itu **juga** perkara mengenai pinjaman ini akan dibuat.

Ketika **ini** kerja-kerja perunding kejuruteraan dikendalikan oleh sebuah syarikat Jepun, Yachiyo Engineering Co. Ltd dan sebuah **perunding** tempatan, HSSI Integrated.

Kata beliau, jambatan **sepanjang** lebih 23 kilometer itu **mungkin** akan menjadi yang terpanjang di dunia **jika** diambil kira **pada** rangka bentuk pembinaan merentangi air.

Sementara itu, Samy Vellu **memberitahu**, beliau akan **mengemukakan** permintaan PKMM Pulau Pinang agar kerajaan **mewujudkan** syarat khusus sebahagian projek di negeri **ini** perlu diagihkan kepada kontraktor tempatan sahaja.